



Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency

Tel : +603-7968 7002 | Faks : +603-7954 9215

Flexible Education. Beyond Borders. Creating The Future

AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA
(Malaysian Qualifications Agency)

 www.mqa.gov.my

 OFFICIAL : Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

 MQA Malaysia (@MQAMalaysia)

 MQA_Malaysia



NO GIFT POLICY

Ruj. Kami : MQA.600-5/1/2 Jld. 6 (39)

Tarikh : 2 Februari 2018

SENARAI SEPERTI DI LAMPIRAN

Tuan,

MAKLUMAN AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA SEBAGAI BADAN PENGIKTIRAFAN KELAYAKAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah memutuskan bahawa urusan pengiktirafan kelayakan dilaksanakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) kecuali bagi maksud pelantikan dalam Sektor Pehidmatan Awam yang akan diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

3. Bermula Januari 2017, pengiktirafan Kerajaan Malaysia dikawal selia oleh MQA yang mana sebelum ini di bawah seliaan Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTPPK), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Bagi program yang diberi pengiktirafan Kerajaan Malaysia sebelum Januari 2017, semakan boleh dibuat menerusi Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSisraf) melalui capaian <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>. Manakala bagi program yang diberi pengiktirafan Kerajaan mulai Januari 2017, semakan boleh dibuat di Daftar Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Register*, MQR) melalui capaian <http://www2.mqa.gov.my/mqr/>. Maklumat ini akan digunakan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan juga Pihak Berkuasa Melantik (PBM) untuk tujuan pelantikan dalam Perkhidmatan Awam atau apa-apa tujuan lain.

4. Ketetapan yang dibuat ini juga selaras dengan keputusan yang dicapai dalam Mesyuarat MQA Bersama dengan JPA, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) bertarikh 29 November 2017, MQA sebagai Badan Pengiktirafan Kelayakan telah memutuskan bahawa **pengesahan kelayakan individu tidak akan dilaksanakan oleh MQA**.

5. Oleh yang demikian, pihak tuan disarankan untuk membuat semakan terus menerusi laman MQR atau eSisraf dan **tidak lagi memerlukan** surat pengesahan kelayakan individu sebagai salah satu syarat untuk pemohon jawatan mengemukakan borang permohonan jawatan kosong. Pihak JPA, SPA dan SPP juga telah sedia maklum mengenai hal ini dan juga terpakai untuk semua PBM yang lain.

6. Sekiranya tuan memerlukan sebarang pertanyaan, bolehlah menghubungi pegawai berikut:

- i. **Cik Siti Syaikhah binti Aminuddin**
Tel: 03-7968 3104
E-mel syaikhah@mqa.gov.my
- ii. **Puan Azliana binti Ahmad**
Tel: 03-79687067
E-mel azliana@mqa.gov.my
- iii. **Puan Naziatul Ilyana binti Ilyas**
Tel : 03-7954 5715
E-mel naziatul@mqa.gov.my

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(PROF. DR. HAZMAN SHAH BIN ABDULLAH)
b.p.: Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia